

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : PWTC, KUALA LUMPUR
Tarikh : 24-08-2005
Tajuk : MAJLIS PENGHARGAAN SAINTIS CEMERLANG 2005
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Shafie Bin Haji Mohd. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi;

Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengajian Tinggi;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Yahya bin Nordin, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hassan bin Said, Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan IPT Kementerian Pengajian Tinggi;

Pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Naib-naib Canselor dan Rektor-rektor semua IPTA, Ketua Eksekutif dan Presiden semua IPTS, Saudara dan saudari yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapatlah kita bersama-sama berhimpun dalam satu majlis keilmuan iaitu Majlis Penghargaan Saintis Cemerlang 2005 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada malam yang ceria ini.

2. Saya difahamkan bahawa ini adalah kali kedua Kementerian Pengajian Tinggi menganjurkannya dan ini sudah tentu menggambarkan komitmen yang besar oleh pihak Kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam memberi sokongan padu kepada para saintis untuk terus cemerlang dalam bidang penyelidikan masing-masing bukan sahaja di peringkat nasional bahkan di pentas antarabangsa.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

3. Dalam era globalisasi dewasa ini, kepentingan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) memang semakin mendesak. Sesungguhnya, R&D dapat menambahkan daya saing sesebuah negara dan syarikat serta mampu pula meninggikan reputasi sesebuah universiti. Dengan adanya aktiviti R&D yang terencana dan bermutu tinggi di universiti, maka kualiti dan penjenamaan pengajian tinggi akan turut meningkat untuk membolehkan kita bersaing dengan universiti di negara-negara lain.

4. Justeru, dalam usaha kita untuk terus menapak maju dalam bidang R&D, saya menggesa semua pihak untuk memberi penekanan kepada aspek pemantapan keupayaan (capacity building). Saya difahamkan pelbagai strategi dan pelan tindakan telah dikenal pasti dan sebahagiannya telah pun dilaksanakan pada

segenap peringkat, khususnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

5. Makanya, kita berasa sungguh sukacita kerana sebahagian besar universiti tempatan telah menggubal dan sedang melaksanakan pelan induk menjadi IPT bertaraf dunia di mana R&D menjadi komponen yang terpenting. Misalannya, program " Split PhD ", Malaysia Imperial Doctoral Program (MIDP) yang telah diadakan antara beberapa IPTA dengan Imperial College, London baru-baru ini dilihat sebagai contoh pelaksanaan dasar pemantapan R&D dalam rangka menyediakan ruang latihan bagi menambah bilangan ahli akademik yang berkelayakan Ph.D.

6. Oleh yang demikian, kita mengharapkan lebih banyak program inovatif ke arah memantapkan lagi perkembangan R&D seperti peningkatan jumlah staf akademik yang berkelayakan PhD, mempergiatkan aktiviti penyelidikan fundamental, memperkembangkan skim penyelidikan pada peringkat post-doctoral dan berkerjasama dengan para profesor serta universiti ternama di serata dunia.

7. Sekalipun begitu, sehebatmana juga strategi dan pelan tindakan yang dirangka, asas kewujudan dan kecemerlangan sesebuah universiti tetap berpaksi kepada pemantapan modal insan (human capital). Ini melibatkan pelbagai aspek yang harus diberi keutamaan khususnya kelayakan dan kepakaran penyelidik, dana dan aktiviti R&D yang menjurus kepada bidang-bidang strategik dan terkini, persekitaran, budaya kerja, insentif kewangan serta pangkat yang mesra R&D.

8. Dek kerana itulah, saya berasa perlu untuk memberi beberapa pandangan dan cadangan dalam aspek pemantapan pembangunan modal insan dalam bidang R&D. Mahu tidak mahu, persoalan ini perlu difahami dan ditangani dengan sebaik-baiknya kerana golongan penyelidik dikategorikan sebagai kelompok pekerja yang kreatif, inovatif.

9. Tidak dinafikan juga, para profesor yang aktif menjalankan penyelidikan biasanya memerlukan suasana dan persekitaran kerja yang mesra-inovasi, mesra-penyelidik serta tidak terlalu terikat kepada peraturan dan garis panduan yang jumud dan tidak fleksibel. Ini mustahak kerana tabii bidang R&D itu sendiri menuntut kepada kreativiti yang melangkaui sempadan pemikiran dan kefahaman konvensional.

10. Hakikat tersebut mula difahami oleh pihak kerajaan setelah beberapa usaha dan inisiatif membawa pulang saintis dan cerdik pandai Malaysia yang sedang bekerja di luar negara, atau program " brain gain " kurang mendapat sambutan. Daripada maklumat yang diperolehi, sebahagian besar penyelidik khususnya saintis tidak begitu selesa dengan persekitaran dan budaya R&D yang menurut mereka tidak mesra-inovasi, termasuklah di IPTA.

11. Oleh itulah, pada persimpangan ini, pihak kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Abdullah Badawi sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan lagi keupayaan bidang R&D di negara ini. Hasilnya memang banyak dan membanggakan.

Sumbangan para penyelidik universiti di Malaysia sudah mula dirasakan. Sudah ramai profesor daripada universiti tempatan mula dikenali sebagai tokoh dan telah mengetuai kumpulan profesional serta penyelidikan peringkat antarabangsa. Mutu penyelidikan juga meningkat dengan ketara menerusi penerbitan hasil kajian dalam jurnal antarabangsa yang berprestij.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

12. Sungguhpun demikian, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang ada kini. Kita perlu merangka usaha dan tindakan selanjutnya dengan turut mengambil kira model-model yang telah dibangunkan di luar negara bagi memantapkan lagi bidang R&D di Malaysia.

13. Dalam konteks semasa, model yang diamalkan di negara-negara maju boleh kita jadikan sebagai panduan. Kita sedia maklum bahawa inisiatif yang mesra-inovasi dan dasar " brain gain " telah berjaya menjadikan Amerika Syarikat (AS) negara yang paling subur iklim inovasi dan pembangunan saintifiknya ketika ini. Itulah yang cuba diusahakan oleh banyak negara seperti Australia, Korea Selatan, Taiwan, Denmark, India, China dan Singapura.

14. Apakah rahsia kejayaan AS itu sehingga ia menjadi ikutan negara-negara lain? Pada hemat saya, AS telah berjaya melaksanakan strategi serampang dua mata dalam konteks memantapkan bidang R&D, iaitu:

- Pertamanya, menyediakan persekitaran dan budaya R&D yang mesra-inovasi khususnya di universiti ternama, bukan sahaja kepada rakyat tempatan tetapi juga saintis asing
- Keduanya, menyediakan peluang pekerjaan dan inisiatif perniagaan kepada saintis dan pereka cipta berbakat besar dari serata pelusuk dunia untuk berkhidmat di negara tersebut

15. Sehubungan dengan itulah, saya ingin mencadangkan agar model pembangunan R&D dan inovasi di negara ini diperkukuhkan lagi menerusi gandingan tiga komponen utama:

16. Komponen pertama merujuk kepada penyelidik dan universiti yang berorientasikan R&D. Universiti tempatan ketika ini merupakan penjana idea inovatif yang terbesar, hasil daripada aktiviti R&D yang dibiayai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Dalam hal ini, langkah Kementerian Pengajian Tinggi melantik seorang Timbalan Naib Canselor di IPTA yang khusus dalam bidang penyelidikan dan inovasi sebenarnya amat selari dengan hasrat untuk menjadikan universiti tempatan lebih inovatif. Ketika ini banyak produk R&D di universiti awam tempatan telah dikomersialkan dan dikembangkan kepada pengguna.

17. Maksudnya, pihak Kerajaan berharap suatu hari nanti, pendapatan hasil daripada pengkomersialan ini dapat menyumbang kepada kos IPTA seperti mana yang berlaku di universiti-universiti ternama di Amerika Syarikat yang berupaya menampung sebahagian besar kos operasi dan pembangunannya. Sebagai contoh, hasil keuntungan produk R&D Institut Teknologi Massachusetts membolehkan ia disenaraikan sebagai sebuah " negara " yang menduduki tempat ke-24 dari segi saiz KDNK di dunia.

18. Lantaran itulah juga, sebagai komponen yang kedua, kita mengharapkan kewujudan usahawan technopreneur yang berteraskan inovasi. Peranan mereka hendaklah diperluaskan lagi di negara ini. Ini penting kerana usahawan technopreneur boleh memainkan peranan untuk memulakan syarikat baru menerusi peruntukan modal sendiri atau modal teroka bagi mengembangkan lagi kegiatan

komersialisasi produk R&D. Ini perlu kerana kita tidak mungkin boleh meletakkan semua tanggungjawab memajukan R&D kepada golongan penyelidik.

19. Biasanya usahawan technopreneur ini bukan pereka cipta atau saintis ternama. Walaubagaimanapun mereka lazimnya arif dan mengetahui tentang kategori produk atau inovasi yang boleh mereka kembangkan dalam konteks perniagaan. Sebagai contoh, Henry Ford tidak mencipta automobil dan Micheal Dell pula tidak merekacipta teknologi komputer. Namun kedua-duanya telah membangunkan syarikat yang bersumberkan idea pengeluaran dan pemasaran yang inovatif dalam konteks produk masing-masing.

20. Seterusnya, sebagai komponen ketiga pula, apabila sesuatu produk inovatif R&D telah terhasil, kita berharap agar sektor awam menjadi pengguna terawal dan proaktif mengkomersilkannya. Jika kita kaji di Amerika Syarikat dan Britain, agensi awam membeli produk-produk R&D yang pada mulanya mustahil untuk di ketengahkan di pasaran terbuka. Begitulah sejarah teknologi internet yang telah dimajukan sejak tahun 1960-an mula digunakan dengan meluas pada peringkat awalnya untuk tujuan komunikasi oleh Jabatan Pertahanan AS. Setelah matang dan tidak terkini lagi maka barulah teknologi tersebut dipasarkan di pasaran terbuka pada awal tahun 1990-an.

21. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum, bahawa mekanisme dan dinamisme yang mengabungkan komponen-komponen penting ini tidak mudah untuk direalisasikan. Ia menuntut kepada komitmen dan usaha lebih proaktif dengan dokongan pelbagai dasar dan agensi kerajaan yang bersifat lebih mesra-saintis dan mesra-inovasi.

Saudara dan saudari,

22. Saya berkesempatan untuk melawat beberapa universiti ternama di seluruh dunia. Antaranya Stanford, MIT, Cambridge dan UCLA. Saya dapati para profesor terutamanya di AS, diberi kebenaran untuk berinteraksi dengan sektor korporat, menguruskan sendiri geran tersebut dan bebas pula berunding dengan usahawan technopreneur yang berminat untuk memajukan inovasi mereka.

23. Apa yang paling ketara, mereka mempunyai autonomi menentukan arah tuju penyelidikan, modus operandi untuk melaksanakan penyelidikan, termasuklah mengupah pihak tertentu untuk menjadi sub-kontraktor, penyelidik bersekutu dan membelanjakan geran penyelidikan mengikut keperluan semasa.

24. Nyatanya, hal ini agak berbeza dengan universiti di Malaysia ketika ini. Banyak peraturan dan tatacara kerja yang menyebabkan dinamisme yang mesra-inovasi sebagaimana yang terdapat di universiti ternama di serata dunia tidak dapat dikembangkan di sini. Saya juga sering mendengar rungutan para profesor IPTA betapa sukarnya mereka mendapatkan geran penyelidikan sejak kebelakangan ini. Bahkan mereka juga sukar untuk menghadiri seminar dan mesyuarat di luar negara kerana dihadkan penyertaan empat kali setahun dengan " red tape " yang melelahkan. Ada juga profesor yang merungut kerana sukar untuk membelanjakan geran atau dana yang telah di perolehi kerana tatacara perbelanjaan yang konvensional.

25. Dari itu, saya berharap perkara-perkara seperti ini, dapat diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana kita tidak mahu perkembangan R&D

terencat disebabkan tatacara dan peraturan konvensional yang terlalu mengekang terutamanya kepada para penyelidik yang telah terbukti sumbangan cemerlang mereka. Kita mahu aspek pencarian dan prosedur itu dikaji dan diolah semula, kalau boleh, mencontohi amalan di universiti-universiti ternama di dunia. Barulah nanti kita akan berjaya mencapai hasrat dan cita-cita yang di idam-idamkan.

26. Kepada semua para saintis IPTA yang telah memenangi pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa, saya mengucapkan setinggi syabas dan tahniah. Sesungguhnya kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan telah berjaya mengangkat imej IPTA negara di persada antarabangsa dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

27. Akhir sekali, saya mendoakan agar para saintis kita akan terus maju jaya dalam menghasilkan penemuan-penemuan baru dan meningkatkan keupayaan R&D mereka sehingga tersohor mengharumkan nama Malaysia sebagai saintis global.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.